

Bil. S 53

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN
(KEMUKTAMADAN DAN PENGHASILAN BERSIH), 2015**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Penetapan sistem
4. Pembatalan penetapan
5. Pengenaan Perintah ini

BAHAGIAN II

TRANSAKSI DIBUAT MELALUI SISTEM YANG DITETAPKAN

6. Pengubahsuaian undang-undang ketidaksovenan
7. Transaksi di bawah aturan-aturan sistem yang ditetapkan adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan
8. Prosiding sistem yang ditetapkan mendapat keutamaan daripada undang-undang ketidaksovenan
9. Penolakan harta, sekatan ke atas pelupusan harta dll.
10. Penyelarasian transaksi terdahulu
11. Jumlah wang bersih kena dibayar selepas tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkar selesai
12. Perintah pemindahan dimasukkan ke dalam sistem yang ditetapkan selepas ketidaksovenan

BAHAGIAN III

PENGHASILAN BERSIH

13. Penghasilan bersih

BAHAGIAN IV

AM

14. Undang-undang ketidaksovenan dalam bidang kuasa lain

15. Pemeliharaan hak dll.

16. Obligasi memberitahu pengendali sistem yang ditetapkan mengenai ketidaksovenan

17. Komposisi kesalahan

18. Peraturan-peraturan

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN
(KEMUKTAMADAN DAN PENGHASILAN BERSIH), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Kemuktamadan dan Penghasilan Bersih), 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan sistem pembayaran dan penyelesaian daripada gangguan yang boleh membawa kepada risiko terhadap sistem kewangan dan bagi maksud-maksud yang berhubungan dengannya”.

Tafsiran

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Autoriti” bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam yang ditubuhkan oleh Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010 [S 17/2013];

“sekuriti catatan buku” bermakna apa-apa sekuriti yang dikeluarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang boleh dipindahkan dengan catatan buku dalam suatu daftar atau pun selainnya;

“penyusunan ingkar” bermakna penyusunan yang disediakan oleh suatu sistem yang ditetapkan untuk mengehadkan jenis-jenis risiko sistemik dan risiko lain yang timbul sekiranya seorang peserta ternyata tidak dapat, atau mungkin menjadi tidak dapat, menunaikan obligasinya

berkaitan dengan suatu perintah pemindahan, termasuk apa-apa penyusunan bagi —

- (a) penghasilan bersih; atau
- (b) penutupan kedudukan terbuka;

“pengingkar” bermakna seseorang yang berkaitan dengannya tindakan telah diambil oleh suatu sistem yang ditetapkan di bawah penyusunan ingkarnya;

“sistem yang ditetapkan” bermakna suatu sistem yang ditetapkan oleh Autoriti di bawah bab 3 sebagai suatu sistem yang ditetapkan bagi maksud-maksud Perintah ini;

“pelupusan harta” termasuk suatu pembayaran yang dibuat ke dalam atau dari akaun seorang peserta;

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan;

“penghasilan bersih” bermakna penukaran tuntutan dan obligasi kepada satu tuntutan bersih atau satu obligasi bersih yang berbangkit daripada perintah pemindahan yang seorang peserta sama ada mengeluarkan kepada, atau menerima daripada, seorang atau lebih peserta lain yang mengakibatkan bahawa hanya suatu tuntutan bersih sahaja boleh diminta atau suatu obligasi bersih terhutang;

“pengendali”, berkenaan dengan suatu sistem yang ditetapkan, bermakna orang yang dinyatakan dalam perintah yang disebut dalam bab 3(1) sebagai pengendali sistem yang ditetapkan itu;

“peserta” bermakna suatu pihak kepada suatu penyusunan yang mengadakan suatu sistem;

“pemegang jawatan yang berkaitan” bermakna —

- (a) Pegawai Penerima yang menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta Kebankrapan (Penggal 67);

- (b) seseorang yang bertindak berkenaan dengan sebuah syarikat sebagai penyelesai, penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman atau seorang pegawai yang setaraf; atau

- (c) seseorang yang bertindak berkenaan dengan seorang individu sebagai pemegang amanahnya dalam kebankrapan atau penerima sementara hartanya atau seorang pegawai yang setaraf;

“institusi penyelesaian”, berkenaan dengan suatu sistem yang ditetapkan, bermakna suatu badan korporat yang menyediakan akaun bagi peserta-peserta sistem yang ditetapkan itu memegang dana dan menyelesaikan transaksi antara peserta-peserta dalam sistem yang ditetapkan itu;

“sistem” bermakna suatu sistem yang diadakan bagi —

(a) penjelasan atau penyelesaian obligasi pembayaran; atau

(b) penjelasan, penyelesaian atau pemindahan sekuriti catatan buku;

“perintah pemindahan” bermakna —

(a) suatu arahan oleh seorang peserta untuk meletakkan atas kawalan seorang penerima suatu jumlah wang dengan cara catatan buku dalam akaun suatu institusi penyelesaian bagi suatu sistem yang ditetapkan, atau suatu arahan yang, apabila diselesaikan, mengakibatkan pengambilalihan atau penjelasan suatu obligasi pembayaran sebagaimana yang ditakrifkan oleh aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan; atau

(b) suatu arahan oleh seorang peserta sama ada untuk menyelesaikan suatu obligasi bagi pemindahan sekuriti catatan buku, atau bagi pemindahan sekuriti tersebut.

(2) Suatu sebutan dalam Perintah ini kepada undang-undang ketidaksovenan hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada —

(a) Akta Kebankrapan (Penggal 67);

(b) bab-bab 149H hingga 149U dan Bahagian V Akta Syarikat (Penggal 39); dan

(c) sebarang undang-undang bertulis atau aturan undang-undang lain sama ada Negara Brunei Darussalam atau suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam yang mengenai atau dengan apa jua cara berkaitan dengan kebankrapan, penggulungan atau ketidaksovenan seseorang.

Penetapan sistem

3. (1) Autoriti boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan suatu sistem sebagai sistem yang ditetapkan bagi maksud-maksud Perintah ini, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah menyatakan pengendali sistem yang ditetapkan itu.

Pembatalan penetapan

4. (1) Autoriti boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, membatalkan penetapan suatu sistem yang ditetapkan jika —

- (a) Autoriti berpuas hati bahawa —
- (i) sistem yang ditetapkan itu telah berhenti beroperasi sebagai suatu sistem;
 - (ii) pengendali sistem yang ditetapkan itu telah dengan mengetahuinya memberikan maklumat atau dokumen kepada Autoriti berhubung dengan penetapan sistem yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material;
 - (iii) pengendali atau institusi penyelesaian sistem yang ditetapkan itu adalah dalam proses digulung atau pun selainnya dibubarkan, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain;
 - (iv) pengendali atau institusi penyelesaian sistem yang ditetapkan itu telah membuat kompromi atau skim penyusunan dengan pemutang-pemutangnya, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain;
 - (v) seorang penerima, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman atau seorang pegawai yang setaraf telah dilantik, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, berhubung dengan atau mengenai mana-mana harta pengendali atau institusi penyelesaian sistem yang ditetapkan itu; atau
 - (vi) mana-mana syarat yang disebut dalam bab 3(1) telah dilanggar; atau

(b) Autoriti menganggap bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk membatalkan penetapan itu.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), Autoriti tidak boleh membatalkan suatu penetapan tanpa memberikan kepada pengendali sistem yang ditetapkan itu peluang untuk didengar.

(3) Autoriti boleh membatalkan suatu penetapan atas apa-apa alasan yang dinyatakan dalam ceraian {1}/{a} {iii}, {iv} atau {v} tanpa memberikan kepada pengendali sistem yang ditetapkan itu peluang untuk didengar.

(4) Pembatalan suatu penetapan tidak boleh berkuat kuasa untuk mengelakkan atau menjejaskan apa-apa transaksi yang dijelaskan atau diselesaikan dalam sistem yang ditetapkan itu sebelum pembatalan itu atau menghalang pengenaan Perintah ini, menurut bab 5, kepada mana-mana transaksi tersebut.

Pengenaan Perintah ini

5. Perintah ini dikenakan kepada semua transaksi yang dijelaskan atau diselesaikan dalam suatu sistem yang ditetapkan, tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Autoriti.

BAHAGIAN II

TRANSAKSI DIBUAT MELALUI SISTEM YANG DITETAPKAN

Pengubahan undang-undang ketidaksovenan

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, undang-undang am ketidaksovenan hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan —

(a) perintah pemindahan yang dibuat melalui suatu sistem yang ditetapkan; dan

(b) tindakan yang diambil di bawah aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan berkaitan dengan perintah tersebut.

(2) Bahagian ini dikenakan, berhubung dengan kebankrapan, pengurusan kehakiman dan prosiding penggulungan, hanya berkaitan dengan seorang peserta.

(3) Walaupun hak atau liabiliti yang timbul daripada perintah pemindahan diuruskan atau boleh diuruskan dalam kebankrapan, pengurusan kehakiman atau prosiding penggulungan, Bahagian ini tidak boleh dikenakan kepada prosiding tersebut jika ia berkaitan dengan mana-mana orang yang bukan seorang peserta.

Transaksi di bawah aturan-aturan sistem yang ditetapkan adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan

7. (1) Bab ini dikenakan jika aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan memperuntukkan bahawa —

(a) pemindahan dana ke dalam atau dari suatu akaun seorang peserta;

(b) penyelesaian apa-apa obligasi pembayaran; atau

(c) penyelesaian suatu obligasi bagi pemindahan sekuriti catatan buku, atau pemindahan sekuriti tersebut,

adalah muktamad dan tidak boleh dibatalkan.

(2) Dengan tidak menghiraukan apa-apa juga yang berlawanan dalam sebarang undang-undang bertulis atau aturan undang-undang, sebarang pemindahan atau penyelesaian yang disebut dalam ceraian (1) tidak boleh dibatalkan, dibayar balik atau diketepikan dan tiada perintah boleh dibuat oleh mana-mana mahkamah bagi pembetulan atau penangguhan pemindahan atau penyelesaian tersebut.

Prosiding sistem yang ditetapkan mendapat keutamaan daripada undang-undang ketidaksovenan

8. (1) Tiada satu pun daripada yang berikut dianggap sebagai tidak sah setakat mana pun atas alasan ketidakselaras dengan undang-undang bagi pembahagian aset seseorang dalam kebankrapan atau penggulungan, atau dalam lantikan seorang penerima, penerima dan pengurus atau seorang pegawai yang setaraf ke atas mana-mana aset seseorang —

(a) suatu perintah pemindahan;

(b) mana-mana pelupusan harta menurut perintah tersebut;

(c) penyusunan ingkar suatu sistem yang ditetapkan; atau

(d) aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan tentang penyelesaian perintah pemindahan yang tidak diuruskan di bawah penyusunan ingkarnya.

(2) Kuasa-kuasa pemegang jawatan yang berkaitan dan kuasa-kuasa mahkamah di bawah undang-undang ketidaksovenan tidak boleh dijalankan dengan cara yang akan menghalang atau mengganggu —

(a) penyelesaian suatu perintah pemindahan menurut aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan yang tidak diuruskan di bawah penyusunan ingkarnya; atau

(b) apa-apa tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkarnya.

(3) Suatu hutang atau liabiliti lain yang timbul daripada suatu perintah pemindahan yang menjadi perkara suatu tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkar tidak boleh dibuktikan dalam kebankrapan atau

penggulungan sehingga tindakan yang diambil di bawah pengaturan ingkar itu selesai.

(4) Suatu hutang atau liabiliti lain yang menurut ceraian (3) tidak boleh dibuktikan tidak boleh diambil kira bagi tujuan apa-apa tolakan sehingga tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkar itu selesai.

Penolakan harta, sekatan ke atas pelupusan harta dll.

9. Tanpa menjelaskan keluasan makna bab 8 —

(a) bab 59 dari Akta Kebankrapan (Penggal 67) dan bab 253 dari Akta Syarikat (Penggal 39) tidak dikenakan kepada suatu perintah pemindahan; dan

(b) bab 167 dan 217 dari Akta Syarikat (Penggal 39) tidak dikenakan kepada suatu perintah pemindahan atau apa-apa pelupusan harta menurut perintah tersebut.

Penyelarasian transaksi terdahulu

10. Tanpa menjelaskan keluasan makna bab 8, tiada perintah boleh dibuat oleh mahkamah di bawah bab 251 dari Akta Syarikat (Penggal 39) berhubung dengan suatu perintah pemindahan atau apa-apa pelupusan harta menurut perintah itu.

Jumlah wang bersih kena dibayar selepas tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkar selesai

11. (1) Bab ini dikenakan berkaitan dengan apa-apa jumlah wang bersih yang terhutang oleh atau kepada pengingkar selepas tindakan yang diambil di bawah penyusunan ingkar selesai.

(2) Dengan tidak menghiraukan bab 34 atau 35 dari Akta Kebankrapan (Penggal 67) dan bab 248 dari Akta Syarikat (Penggal 39), jika mahkamah telah membuat suatu perintah bagi kebankrapan atau penggulungan seorang peserta atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela seorang peserta telah diluluskan, jumlah wang bersih yang disebut dalam ceraian (1) —

(a) boleh dibuktikan dalam kebankrapan atau penggulungan atau, mengikut mana yang berkenaan, kena dibayar kepada pemegang jawatan yang berkaitan; dan

(b) hendaklah diambil kira, jika bersesuaian, di bawah bab 35 dari Akta Kebankrapan (Penggal 67) atau bab 248 dari Akta Syarikat (Penggal 39).

Perintah pemindahan dimasukkan ke dalam sistem yang ditetapkan selepas ketidaksovenan

12. Bahagian ini tidak dikenakan berhubung dengan mana-mana perintah pemindahan yang diberikan oleh seorang peserta yang dimasukkan ke dalam suatu sistem yang ditetapkan selepas tamatnya tempoh hari —

- (a) mahkamah membuat suatu perintah bagi kebankrapan, pengurusan kehakiman atau penggulungan berkaitan dengan peserta itu; atau
- (b) suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela peserta itu diluluskan.

BAHAGIAN III

PENGHASILAN BERSIH

Penghasilan bersih

13. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan undang-undang ketidaksovenan, jika mahkamah telah membuat suatu perintah bagi kebankrapan atau penggulungan seorang peserta suatu sistem yang ditetapkan atau jika suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela peserta itu telah diluluskan —

(a) pengendali sistem yang ditetapkan itu boleh melaksanakan penghasilan bersih semua obligasi yang terhutang kepada atau oleh peserta itu yang ditanggung sebelum atau pada hari mahkamah membuat perintah bagi kebankrapan atau penggulungan peserta itu atau ketetapan bagi penggulungan sukarela peserta itu diluluskan;

(b) obligasi yang dihasilkan bersih tidak akan diambil kira dalam prosiding kebankrapan atau penggulungan;

(c) apa-apa obligasi bersih yang terhutang kepada atau oleh peserta itu yang belum dijelaskan —

- (i) adalah kena dibayar kepada peserta itu dan boleh didapatkan balik untuk faedah pembiutang; atau

- (ii) boleh dibuktikan dalam kebankrapan atau penggulungan,

mengikut mana yang berkenaan; dan

(d) penghasilan bersih yang dibuat oleh pengendali sistem yang ditetapkan itu dan sebarang pembayaran yang dibuat oleh peserta itu menurutnya tidaklah boleh dibatalkan dalam prosiding kebankrapan atau penggulungan.

BAHAGIAN IV

AM

Undang-undang ketidaksovenan dalam bidang kuasa lain

14. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau aturan undang-undang, mahkamah tidak boleh mengiktiraf atau menguatkuasakan —

(a) suatu perintah mahkamah yang menjalankan bidang kuasa di bawah undang-undang ketidaksovenan di suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(b) suatu perbuatan seseorang yang dilantik di suatu tempat di luar Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan sesuatu tugas di bawah undang-undang ketidaksovenan di sana,

setakat mana perintah yang dibuat itu atau perbuatan yang dilakukan itu dilarang di bawah Perintah ini bagi mahkamah di Negara Brunei Darussalam atau pemegang jawatan yang berkaitan.

Pemeliharaan hak dll.

15. (1) Kecuali setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata, Perintah ini tidak boleh berkuat kuasa untuk mengehadkan, menyekat atau pun selainnya menjaskan —

(a) apa-apa hak, hak milik, kepentingan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti seseorang yang berbangkit daripada transaksi dasar berkaitan dengan suatu perintah pemindahan yang telah dimasukkan ke dalam suatu sistem yang ditetapkan; atau

(b) mana-mana penyiasatan, prosiding undang-undang atau remedii berkaitan dengan apa-apa hak, hak milik, kepentingan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti tersebut.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (1) boleh ditafsirkan sebagai menghendaki —

(a) perungkaiyan apa-apa penghasilan bersih yang dilakukan oleh pengendali suatu sistem yang ditetapkan, sama ada menurut penyusunan ingkarnya atau pun selainnya;

(b) pembatalan mana-mana perintah pemindahan yang diberikan oleh seorang peserta yang dimasukkan ke dalam suatu sistem yang ditetapkan; atau

(c) penarikan balik suatu pembayaran atau penyelesaian yang dibuat di bawah aturan-aturan suatu sistem yang ditetapkan.

Obligasi memberitahu pengendali sistem yang ditetapkan mengenai ketidaksolvenan

16. (1) Seorang peserta hendaklah memberitahu pengendali suatu sistem yang ditetapkan dengan seberapa segera yang boleh selepas berlakunya mana-mana kejadian yang berikut —

(a) pembuatan suatu perintah bagi kebankrapan, pengurusan kehakiman atau penggulungan peserta itu;

(b) pelulusan suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela peserta itu.

(2) Mana-mana peserta yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000.

(3) Seorang peserta tidak melanggar ceraian (1) jika —

(a) dia mengambil langkah yang munasabah untuk mematuhi ceraian itu; atau

(b) pengendali sistem yang ditetapkan itu telah pun menyedari kejadian berkaitan yang disebut dalam ceraian (1)(a) atau (b) pada masa peserta itu dikehendaki memberitahu pengendali di bawah ceraian itu.

Komposisi kesalahan

17. (1) Autoriti boleh, atas budi bicaranya, mengkompaun mana-mana kesalahan terhadap Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$10,000.

(2) Selepas membayar jumlah wang tersebut, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Perintah ini.

(4) Semua jumlah wang yang dipungut di bawah bab ini hendaklah dibayar kepada Autoriti.

Peraturan peraturan

18. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

(3) Tanpa menjaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud-maksud yang berikut —

(a) memastikan keutuhan dan penjalanan sistem yang ditetapkan dengan wajar dan teratur; dan

(b) pendedahan dan pemberian kepada Autoriti maklumat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 13 haribulan Mei, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**